

Penjenayah warga asing diusir, disenarai hitam

Kuala Lumpur: Warga asing yang didapati terbabit dan disabitkan kesalahan kegiatan jenayah akan dilarang masuk ke negara ini untuk selama-lamanya, kata Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud.

Beliau berkata, warga asing terbabit akan diusir dan disenaraihitamkan selepas mereka menjalani hukuman di negara ini.

“Selepas mereka menjalani hukuman penjara akibat kesalahan jenayah, mereka akan diusir dan disenaraikan sebagai imigran larangan daripada memasuki Malaysia.

“Itulah keputusannya untuk semua warga asing yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen (1959) tanpa mengira jenis pas yang dimiliki,” katanya.



Khairul Dzaimee Daud

Turut senada dengan Khairul Dzaimee ialah Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador yang berkata langkah mengisyiharkan penjenayah warga asing sebagai ‘dilarang masuk ke negara ini untuk selama-lamanya’ adalah antara cara berkesan bagi mengekang kegiatan jenayah terutama sindiket Macau Scam.

“Sindiket Macau Scam di negara ini semakin ber-

leluasa dengan ramai mangsa tertipu membabitkan kerugian jutaan ringgit yang dilakukan warga China.

“Baru-baru ini, saya ada berbincang dengan beliau (Khairul Dzaimee) berhubung perkara ini dan kua-sa untuk mengisyiharkan ‘dilarang masuk ke negara ini untuk selama-lamanya’ terletak kepada Imigresen untuk melaksanakannya,” katanya ketika kunjungan hormat *BERNAMA* ke pejabat beliau di Bukit Aman di sini, baru-baru ini.

Abdul Hamid berkata warga China paling takut disenarai hitam dan dilarang memasuki Malaysia kerana mereka bukan sahaja tidak boleh melakukan kegiatan jenayah, malah bakal berdepan hukuman berat di negara asal.

BERNAMA